

**KESANGGUPAN PENGUNJUNG MEMBAYAR UNTUK
AKTIVITI DAN MEYUMBANG KEPADA TABUNG
PEMULIHARAAN DI TAMAN NEGARA ENDAU-ROMPIN**

MOHD AZAMRUL BIN HARUN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**KESANGGUPAN PENGUNJUNG MEMBAYAR UNTUK
AKTIVITI DAN MEYUMBANG KEPADA TABUNG
PEMULIHARAAN DI TAMAN NEGARA
ENDAU-ROMPIN**

MOHD AZAMRUL BIN HARUN

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Sains Perancangan
Pelancongan**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

MEI 2007

ABSTRAK

Kajian kesanggupan membayar terhadap penggunaan sumber semulajadi merupakan satu bidang kajian yang menerangkan penilaian manusia terhadap sumber semulajadi tersebut. Kajian ini dilakukan untuk melihat kesanggupan pengunjung membayar untuk aktiviti dan menyumbang kepada tabung pemuliharaan di Taman Negara Endau-Rompin. Kaedah *Contingent Valuation* telah digunakan dalam menjalankan kajian ini. Kajian mendapati pengunjung sanggup membayar untuk sebahagian daripada caj bayaran. Kajian menunjukkan purata kesanggupan untuk membayar caj masuk adalah sebanyak RM5.58 dan kesanggupan meyumbang kepada tabung pemuliharaan adalah sebanyak RM3.22. Kajian juga mendapati pengunjung berpendapat bahawa peranan menjaga sumber semulajadi merupakan tanggungjawab pelbagai pihak termasuk pihak kerajaan. Kajian juga mendapati tiada perhubungan langsung antara umur, jantina dan pekerjaan dalam menentukan kesanggupan membayar seseorang pengunjung.

ABSTRACT

Study of willingness to pay on natural resources used is a field of study that explains about human perception and assessment to the resources. This study was conducted to find out the visitor willingness to pay (WTP) for activities and natural conservation at Endau-Rompin National Park. Contingent Valuation Method (CVM) is used in conducting this study. Results indicate that, visitor are willing to pay some of the charges. The study shows that the willingness to pay for entrance fee is RM5.58 and willingness to contribute to the conservation fund is RM3.22. The study indicates that visitor assume that government is responsible to conserve nature. The study also shows that there is no significant relationship between age, gender or occupation and the visitor's willingness to pay.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRAC	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xvi
	SENARAI GAMBARFOTO	xviii
BAB I	PEGENALAN KAJIAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Isu Kajian	3
	1.3 Persoalan Kajian	3

1.4	Objektif Kajian	4
1.5	Kaedah Kajian	5
1.6	Kaedah Pengumpulan Data	8
1.7	Alat Kajian dan Analisis Data	8
1.8	Hasil Akhir dan Cadangan	9
BAB II	KAJIAN LITERATUR	10
2.1	Pengenalan	10
2.2	Kesanggupan Untuk Membayar	11
2.3	Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kesanggupan Untuk Membayar di Kalangan Pengunjung	12
2.4	Caj Pengguna Pelancongan	16
2.5	Kaedah <i>Contingent Valuation</i>	21
2.6	Pemuliharaan	24
2.6.1	Konsep Pemuliharaan	24
2.6.2	Pelaksanaan Pemuliharaan di Malaysia	24
2.6.3	Peranan Badan Kerajaan Yang Terlibat Dalam Pemuliharaan dan Pemeliharaan Alam Semulajadi	27
2.6.4	Akta Yang Berkaitan Dengan Pemuliharaan Alam Semulajadi	29
2.7	Rumusan	31

BAB III	TAMAN NEGARA ENDAU-ROMPIN	32
3.1	Pengenalan	32
3.2	Latar Belakang Taman Negara Endau-Rompin	33
3.3	Objektif Penubuhan Taman Negara Endau-Rompin	33
3.4	Tarikan di Taman Negara Endau-Rompin	36
3.5	Kemudahan di Taman Negara Endau-Rompin	40
3.6	Statistik Kedatangan Pelancong ke Taman Negara Endau-Rompin	45
3.7	Perbadanan Taman Negara Johor	46
3.7.1	Fungsi Perbadanan Taman Negara Johor	47
3.8	Caj Yang dikenakan Kepada Pelawat di Taman Negara Endau-Rompin	47
BAB IV	ANALISA DAN HASIL KAJIAN	49
4.1	Pengenalan	49
4.2	Kajian Rintis	49
4.3	Responden Kajian	50
4.4	Hasil Kajian	50
4.5	Analisa Profil Pengunjung	51
4.5.1	Jantina	51
4.5.2	Umur	51

4.5.3 Negara Asal	52
4.5.4 Status Perkahwinan	53
4.5.5 Tahap Pendidikan	54
4.5.6 Jenis Pekerjaan	55
4.5.7 Pendapatan Bulanan	56
4.5.8 Tempoh Menginap	57
4.6 Analisa Kesedaran dan Pengetahuan Pengunjung	58
4.6.1 Pengetahuan pengunjung terhadap tarikan yang terdapat di Taman Negara Endau-Rompin	58
4.6.2 Pengetahuan pengunjung terhadap peranan atau faedah Taman Negara Endau-Rompin	59
4.7 Analisa terhadap pengalaman dan kepuasan pengunjung terhadap aktiviti yang dijalankan di Taman Negara Endau-Rompin	61
4.7.1 Pengetahuan terhadap aktiviti yang boleh dilakukan di Taman Negara Endau-Rompin berdasarkan pengetahuan dan pengalaman responden	61

4.7.2	Aktiviti yang ingin dilakukan oleh responden di Taman Negara Endau-Rompin	63
4.7.3	Aktiviti yang telah dilakukan oleh responden di Taman Negara Endau-Rompin	64
4.8	Analisa terhadap kesanggupan membayar dikalangan pengunjung	65
4.9	Faktor-faktor yang mempengaruhi kesanggupan membayar di kalangan pengunjung yang melawat Taman Negara Endau-Rompin	69
4.9.1	Kaitan kesanggupan membayar bayaran masuk dengan umur pengunjung	69
4.9.2	Kaitan kesanggupan membayar bayaran masuk dengan jantina	71
4.9.3	Kaitan kesanggupan membayar bayaran masuk dengan tahap pendidikan	72
4.9.4	Kaitan kesanggupan membayar oleh pekerjaan	74
4.9.5	Kaitan kesanggupan membayar oleh pendapatan	75

4.9.6	Kaitan kesanggupan membayar bayaran masuk dengan tahap pengetahuan berkenaan tarikan di Taman Negara Endau-Rompin	77
4.9.7	Kaitan kesanggupan menyumbang kepada tabung pemuliharaan dengan tahap pengetahuan berkenaan faedah Taman Negara Endau-Rompin	79
4.9.8	Kaitan kesanggupan menyumbang kepada tabung pemuliharaan dengan faktor umur, jantina, tahap pendidikan, pekerjaan, gaji dan pengalaman	80
4.9.9	<i>Cross-Tabulation</i> kesanggupan membayar untuk aktiviti	81
4.10	Perbandingan kesanggupan membayar diantara responden yang melawat Taman Negara Endau-Rompin dengan responden yang tidak melawat (Kajian di Johor Bahru dan Pasir Gudang)	82
4.11	Laporan temubual semasa kajian lapangan dilakukan	84
4.11.1	Encik Abdul Aziz Bin Mohd Top (Pengurus Taman)	84
4.11.2	Encik Yusoff Bin Abd Rahman (Pengarah Caterlife Adventure Sdn Bhd)	85

BAB V	RUMUSAN DAN CADANGAN	87
5.1	Pengenalan	87
5.2	Rumusan	87
5.2.1	Rumusan mengenai kajian pengunjung Taman Negara Endau Rompin	87
5.2.2	Rumusan mengenai kajian kesanggupan membayar bayaran masuk	88
5.2.3	Rumusan mengenai kajian kesanggupan membayar untuk menjalankan aktiviti	89
5.2.4	Rumusan kajian berkenaan kesanggupan menyumbang kepada tabung pemuliharaan	90
5.3	Cadangan	91
5.4	Halangan	92
5.5	Penutup	93
	RUJUKAN	94
	LAMPIRAN	97

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Kronologi Sejarah Penubuhan Taman Negara Endau-Rompin	35
3.2	Statistik Kedatangan Pelancong ke Taman Negara Endau-Rompin	45
3.3	Statistik Kedatangan Pelancong ke Taman Negara Endau-Rompin Mengikut Bulan (Pintu masuk Kampung Peta)	46
3.4	Senarai caj semasa yang dikenakan di Taman Negara Endau-Rompin	48
4.1	Data aktiviti yang ingin dilakukan oleh responden	63
4.2	Data aktiviti yang telah dilakukan oleh responden	64
4.3	Data berkenaan purata bayaran yang sanggup dibayar oleh pengunjung berdasarkan aktiviti yang disenaraikan	68
4.4	<i>Cross-tabulation</i> kesanggupan membayar bayaran masuk oleh faktor umur pengunjung	70
4.5	<i>Cross-tabulation</i> kesanggupan membayar bayaran masuk oleh faktor jantina pengunjung	71
4.6	<i>Cross-tabulation</i> kesanggupan membayar bayaran masuk oleh faktor tahap pendidikan pengunjung	73

4.7	<i>Cross-tabulation</i> kesanggupan membayar bayaran masuk oleh faktor pekerjaan pengunjung	74
4.8	<i>Cross-tabulation</i> kesanggupan membayar bayaran masuk oleh faktor pendapatan pengunjung	76
4.9	<i>Cross-tabulation</i> kesanggupan membayar bayaran masuk oleh tahap pengetahuan berkenaan tarikan di Taman Negara Endau-Rompin	78
4.10	<i>Cross-tabulation</i> kesanggupan menyumbang kepada tabung pemuliharaan oleh tahap pengetahuan berkenaan faedah Taman Negara Endau-Rompin	79
4.11	Jadual <i>cross-tabulation</i> tabung pemuliharaan	81
4.12	<i>Cross-Tabulation</i> kesanggupan membayar untuk aktiviti	82
4.13	Data berkenaan purata bayaran yang sanggup dibayar oleh pengunjung yang melawat TNER dan yang tidak melawat TNER berdasarkan aktiviti yang disenaraikan	

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Carta alir proses kajian	7
2.1	Ringkasan faktor yang mempengaruhi kesanggupan membayar	15
2.2	Aliran caj pengguna pelancongan	20
3.1	Peta lokasi Taman Negara Endau-Rompin	34
3.2	Kedudukan destinasi tarikan di Taman Negara Endau-Rompin	39
4.1	Jantina Pengunjung	51
4.2	Umur pengunjung	52
4.3	Negara Asal Pengunjung	53
4.4	Status Perkahwinan	53
4.5	Tahap Pendidikan	54
4.6	Jenis pekerjaan	55
4.7	Pendapatan bulanan responden	56
4.8	Tempoh menginap	57
4.9	Pengetahuan pengunjung tarikan yang terdapat di Taman Negara Endau-Rompin	59
4.10	Pengetahuan pengunjung terhadap peranan atau faedah Taman Negara Endau-Rompin	61
4.11	Pengetahuan terhadap aktiviti yang boleh dilakukan di Taman Negara Endau-Rompin mengikut pengetahuan dan pengalaman responden.	62
4.12	Kesanggupan membayar di kalangan pengunjung terhadap aktiviti yang dijalankan di Taman Negara Endau_Rompin	67

4.13	Kesanggupan membayar bayaran masuk oleh faktor umur	70
4.14	Kesanggupan membayar bayaran masuk oleh faktor jantina	72
4.15	Kesanggupan membayar bayaran masuk oleh faktor pendidikan	73
4.16	Kesanggupan membayar bayaran masuk oleh faktor pekerjaan	75
4.17	Kesanggupan membayar bayaran masuk oleh faktor pendapatan	77
4.18	Kesanggupan membayar bayaran masuk oleh tahap pengetahuan berkenaan tarikan di Taman Negara Endau-Rompin	78
4.19	Kesanggupan menyumbang kepada tabung pemuliharaan oleh pengetahuan tentang faedah Taman Negara Endau-Rompin	80

SENARAI GAMBARFOTO

NO GAMBARFOTO	TAJUK	MUKA SURAT
1	Papan tanda Taman Orkid	41
2	Ruang pameran dan Perpustakaan mini yang terdapat di kompleks pelawat	42
3	Bangunan pejabat NERC dan makmal terbuka	43
4	Dewan untuk kegunaan pelawat juga disediakan oleh Pihak Taman Negara	43
5	Chalet yang selesa untuk memenuhi keperluan pengunjung	44
6	Asrama yang terdapat di Taman Negara Endau- Rompin	44
7	Kafeteria yang Terdapat di Komplek pelawat	45
8	Kafeteria yang Terdapat di NERC	45
9	Tempat memasak yang terdapat di NERC	46
10	Surau yang disediakan di kompleks pelawat	46



BAB I: PENGENALAN KAJIAN

Kesanggupan pengunjung membayar untuk aktiviti dan menyumbang kepada tabung pemuliharaan di Taman Negara Endau-Rompin

BAB I

PENGENALAN KAJIAN

1.1 Pengenalan

Pelancongan merupakan antara industri yang menyumbang kepada pendapatan negara. Potensi industri pelancongan telah mula diberi perhatian oleh pihak kerajaan seawal tahun 1980-an. Bermula sejak rancangan Malaysia kedua, industri pelancongan diberi penumpuan oleh pihak kerajaan dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi pilihan di negara ASEAN. Perkembangan teknologi pada hari ini menjadikan industri ini cepat berkembang dan berubah. Selaras dengan perkembangan ini, kerajaan juga telah menyediakan pelbagai kemudahan terkini untuk kegunaan pelancong dan juga rakyat. Antaranya ialah pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

Perkembangan yang pesat dalam industri pelancongan di Malaysia telah membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada semua lapisan masyarakat. Corak pelancongan hari ini telah berubah dimana pelancongan hari ini mementingkan alam semulajadi dan dikenali sebagai '*Green Tourism*'.

Menurut Pertubuhan Pelancongan Sedunia (WTO), lebih kurang 7-8 peratus daripada industri di dunia dikategorikan sebagai ' Nature Tourism'. Angka ini semakin meningkat dari tahun ke setahun.

Pelancongan yang berasaskan alam semulajadi adalah kegiatan pelancongan ke kawasan yang bersumberkan alam semulajadi dengan tujuan untuk memahami kebudayaan dan sejarah semulajadi persekitaran tersebut disamping menjaga ekosistem dan memberi peluang ekonomi yang memberi faedah kepada orang tempatan disamping mengekalkan sumber alam sekitar.

(Cebalos-Lascurain, 1993)

Pelancongan ke kawasan alam semulajadi bertujuan memahami budaya dan sejarah sesuatu persekitaran dengan tidak mengubah ekosistem disamping menghasilkan peluang ekonomi yang dapat memulihara sumber semulajadi yang berfaedah kepada penduduk setempat.

(World Wide Fund, 1990)

Pelancongan berasaskan alam semulajadi merupakan salah satu tarikan yang terdapat di negara kita. Banyak kawasan pelancongan berasaskan alam semulajadi dibangunkan untuk menarik lebih ramai pelancong. Pada masa yang sama, kewujudan kawasan pelancongan yang berasaskan alam semulajadi ini bertujuan untuk pemuliharaan sumber yang ada supaya keunikan dan kepelbagaian sumber yang ada dapat dikekalkan sehingga ke generasi yang akan datang.

Program pemuliharaan yang dibuat memerlukan satu peruntukan dana yang besar untuk tujuan pengurusan dan pelaksanaan program. Tanpa dana ini program pemuliharaan dan pemeliharaan tidak akan berjaya. Dari manakah datangnya peruntukan ini?. Adakah pihak kerajaan perlu memperuntukkan sejumlah wang tetapi yang mendapat faedah adalah golongan pelancong yang mengunjungi destinasi tersebut.

1.2 Isu Kajian

- 1.2.1 Kos untuk memulihara dan memelihara sumber semulajadi adalah tinggi. Pihak kerajaan dan Perbadanan Taman Negara Johor memerlukan sejumlah wang yang banyak untuk menampung kos pengurusan ini. Justeru itu, kajian ini dibuat untuk melihat kesanggupan pengunjung membayar sejumlah wang untuk membolehkan mereka melihat dan menikmati keindahan alam semulajadi di sesuatu kawasan seperti di Taman Negara Endau-Rompin. Berapakah jumlah bayaran yang sanggup dibayar oleh mereka untuk menikmati keunikan dan keindahan alam ini juga merupakan satu persoalan yang dikaji.
- 1.2.2 Harga tiket masuk yang dikenakan kepada pelancong di Taman Negara Endau-Rompin adalah terlalu rendah dan dikatakan tidak cukup untuk menampung kos pengurusan. Kajian ini dibuat untuk melihat kesanggupan pengunjung menyumbang kepada tabung pemuliharaan dan pemeliharaan hidupan liar di Taman Negara Endau-Rompin.
- 1.2.3 Kajian ini juga dibuat untuk melihat faktor yang mempengaruhi kesanggupan pengunjung membayar untuk sejumlah wang untuk tabung program pemuliharaan dan pemuliharaan.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada isu yang telah dikemukakan di atas, satu kajian khusus perlu dilakukan di Kawasan Taman Negara Endau-Rompin, Johor berdasarkan persoalan berikut :

Pertama : Adakah pengunjung sanggup membayar sejumlah wang untuk menikmati keindahan alam semulajadi yang terdapat di Taman Negara Endau-Rompin ?

Kedua : Adakah pengunjung sanggup membayar untuk menjalankan aktiviti berasaskan sumber semulajadi ?

Ketiga : Berapakah jumlah bayaran yang sanggup dibayar pengunjung berdasarkan kepuasan yang mereka perolehi sepanjang lawatan mereka di Taman Negara Endau-Rompin ?

Keempat : Adakah pengunjung sanggup menyumbang kepada tabung pemuliharaan dan pemeliharaan yang diwujudkan di Taman Negara Endau-Rompin ? Berapakah jumlahnya ?

1.4 Objektif Kajian

- 1.4.1 Kajian ini dibuat untuk mendapatkan data berkenaan kesanggupan pengunjung untuk membayar sejumlah wang bagi melihat dan menikmati keindahan alam semulajadi di Taman Negara Endau-Rompin.
- 1.4.2 Kajian ini juga bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan jumlah caj bayaran masuk yang sesuai yang boleh dikenakan oleh Perbadanan Taman Negara Endau-Rompin kepada pengunjung.
- 1.4.3 Mendapatkan maklumat berkenaan faktor yang mempengaruhi kesanggupan pengunjung menyumbang kepada tabung pemuliharaan dan pemeliharaan yang dibuat di Taman Negara Endau-Rompin.
- 1.4.4 Kajian ini dibuat untuk mendapatkan data mengenai faktor yang mempengaruhi kesanggupan pengunjung untuk membayar sejumlah wang untuk melihat dan menikmati keindahan alam semulajadi.

1.5 Kaedah kajian

Kaedah kajian merupakan satu cara yang akan digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Ia akan menerangkan langkah-langkah dan peringkat-peringkat yang perlu dilalui untuk mendapatkan hasil kajian yang dikehendaki. Ia merupakan cadangan yang dibuat oleh pengkaji. Pengkaji telah memilih untuk melakukan kajian berdasarkan kaedah kajian asas, kajian pertama dan kedua seperti yang disarankan oleh Weaver dan Lawton (2006).

Proses kajian yang akan dilakukan digambarkan secara grafik dalam Rajah 1.1. Secara keseluruhannya, kajian ini akan melalui lima (5) peringkat iaitu :

Peringkat Pertama :

i. Penyataan Masalah Kajian

Pada peringkat ini, pengkaji akan membuat analisis dan pemahaman berkenaan isu yang timbul. Pemahaman isu ini akan menjelaskan mengapa perlu pengkaji mengkaji permasalahan yang timbul. Pada peringkat ini kajian asas akan digunakan.

ii. Penetapan Objektif Kajian

Setelah pemahaman berkenaan isu telah diperolehi, pengkaji akan mengemukakan objektif kajian. Dalam proses ini pengkaji akan menerangkan rasional kajian tersebut perlu dilakukan.

Peringkat Kedua :

i. Kajian Teori

Pada peringkat ini, kajian dibuat untuk pengkaji lebih memahami tajuk kajian yang dipilih berdasarkan kajian-kajian terdahulu yang pernah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain. Pengkaji juga akan mendapatkan pemahaman berkenaan teori-teori berdasarkan rujukan dari buku-buku ilmiah dan jurnal-jurnal.

Peringkat Ketiga :i. Kajian Lapangan (Pengumpulan Data)

Pengkaji akan mendapatkan data-data primer yang akan digunakan semasa analisis. Pengumpulan data akan diperolehi dengan borang kajiselidik yang akan diberikan kepada sampel yang telah dipilih. Data yang diperolehi adalah berdasarkan skop yang telah ditetapkan.

Selain dari data primer, pengkaji juga akan mendapatkan data sekunder yang akan diperolehi dari laporan pihak Taman Negara Endau-Rompin dan juga dari artikel-artikel.

Peringkat Keempat :i. Analisis data


Pada peringkat ini, semua data yang diperolehi akan di analisis berdasarkan kaedah yang telah dipilih. Dalam kajian ini, kaedah 'Contigent Valuation Method (CVM)' akan digunapakai. Data akan dianalisis menggunakan perisian SPSS.

Peringkat Kelima :i. Penemuan

Segala hasil kajian yang telah dianalisis akan dibincangkan dengan lebih terperinci bagi memastikan hasil yang diperolehi menjawab persoalan kajian. Perbincangan secara kritis akan digunakan untuk memastikan hasil kajian yang diperolehi adalah releven dan boleh digunapakai.

ii. Kesimpulan

Pengkaji akan membuat kesimpulan setelah kesemua hasil kajian dipersetujui dan disokong oleh fakta-fakta yang sahih. Laporan lengkap akan disediakan dalam bentuk bertulis dan akan dijelaskan dengan gambarajah dan juga grafik.



RAJAH 1.1 : CARTA ALIR PROSES KAJIAN

1.6 Kaedah Pengumpulan Data

- i. Kajian ini akan dibuat di Taman Negara Endau-Rompin, Kampung Peta.
- ii. Sampel akan dipilih secara rawak dikalangan pengunjung yang datang ke Taman Negara Endau-Rompin, Kampung Peta.
- iii. Menggunakan '*Contigent Valuation Methods*'
- iv. Pembinaan soalan kajiselidik akan mengambil contoh soalan kajian yang telah dibuat oleh pengkaji terdahulu.

1.7 Alat Kajian dan analisis data

Kajian ini akan menggunakan kaedah-kaedah berikut untuk mendapatkan data:

1.7.1 Kajian Kuantitatif

- i. Kaedah ini mengambil pensampelan secara rawak di kalangan pengunjung untuk tujuan pengumpulan data.
- ii. Penggunaan borang kaji selidik yang mempunyai satu set soalan yang sama.
- iii. Kelebihan Kaedah Kuantitatif
 - a. Hasil kajian dapat dibuktikan dengan fakta berbentuk angka hasil daripada analisis.
 - b. Kesimpulan yang dibuat berdasarkan kaedah kuantitatif adalah berbentuk objektif dan senang untuk diinterpretasikan.
 - c. Lebih murah walaupun memerlukan sampel yang banyak.

1.7.2 Fokus kajian

- i. Profil pengunjung
- ii. Kesedaran pengunjung berkenaan kepentingan alam semulajadi.
- iii. Kepuasan pengunjung terhadap aktiviti yang dilakukan di Taman Negara Endau-Rompin.
- iv. Kesanggupan pengunjung untuk membayar sejumlah wang jika ingin menikmati alam sekitar.
- v. Kesanggupan pengunjung dalam menyumbang kepada tabung pemuliharaan dan pemeliharaan yang diwujudkan.

1.7.3 Kajian Pemerhatian

- i. Berdasarkan pemerhatian pengkaji semasa mengadakan kajian di tapak kajian.

1.8 Hasil Akhir dan Cadangan

Setelah semua data dianalisis, hasil kajian akan disediakan dalam bentuk laporan lengkap. Pengkajian akan menggunakan perisian SPSS untuk menganalisa data yang diperolehi. Analisa *Cross-Tabulation*, kekerapan dan purata antara analisa yang akan dilakukan terhadap data. Semua hasil analisa akan diterjemahkan kedalam bentuk yang mudah difahami seperti gambarajah, jadual, graf, carta pai dan matrik.

Diakhir kajian ini, pengkaji akan membuat beberapa cadangan berdasarkan hasil kajian yang diperolehi. Antara yang akan dibincangkan adalah berkenaan dengan kesanggupan membayar dikalangan pengunjung yang melawat Taman Negara Endau-Rompin.